

Penulis Psiko bakal doktor

BIDANG penulisan bukan semua orang boleh melakukannya kerana setiap dari individu itu perlu mempunyai minat dan kemahiran menulis dengan baik bagi menghasilkan karya yang terbaik.

ia sering dikaitkan dengan seseorang yang berjiwa halus, mempunyai hati kearah sastera yang puitis mahupun berfikir lebih daripada orang lain lebih-lebih lagi mengarang cerita bergenre fiksi.

Penggunaan minda dengan membayangkan sesuatu perkara yang bakal terjadi dan kesannya bukanlah satu perkara mudah lebih-lebih lagi jika penulis itu merupakan pelajar perubatan.

Itulah kemampuan yang ditunjukkan oleh Nurul A'in Sa'ari, 24 yang merupakan pelajar tahun akhir **Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**.

Mempunyai latar belakang pendidikan sains namun minat yang telah ada pada dirinya sejak sekolah rendah lagi membuatkan dia terus menulis walaupun tidak tahu kemana hendak dihantar hasil karyanya itu.

Nurul berkata, Psiko pada awalnya sama memberi tajuk sebagai Nota namun ia dianggap agak klise oleh penerbit maka ditukarkan namanya kepada *Psiko: Nota dari bilik gelap*.

"Novel ini ditulis pada tahun 2013 dan 2014 tetapi hanya tiga bab pertama yang disiapkan dan kemudian saya hantar ke penerbit iaitu Lejen Press untuk menilai minuskrip yang dihantar.

"Namun cubaan pertama itu tidak berjaya kerana ia ditolak oleh ahli panel penilai sebelum saya menghantar sekali lagi dan diterima untuk diterbitkan," jelasnya.

Menulis novel fiksi memerlukan seseorang itu mempunyai imaginasi yang tinggi dan mampu untuk

memanipulasi situasi agar ia berbentuk realistik dan membawa pembaca ke satu penceritaan.

Sebagai seorang pelajar dan juga penulis, pembahagian masa tidak sukar kerana menulis merupakan minat yang sudah lama ditanam dalam diri dan belajar adalah keperluan untuk kehidupan.

"Kita sering membaca sesuatu cerita yang berakhir dengan kegembiraan namun bagi saya sebuah cerita mahupun novel tidak semestinya memberikan pengakhiran yang menyeronokkan.

"Itulah adanya buku-buku alternatif yang lebih bercerita mengenai keadaan sebenar dan tidak semestinya berakhir dengan kegembiraan semata-mata," jelasnya.

Buku Psiko: Nota dari bilik gelap kini sudah terjual kira-kira 6,000 naskah dengan dua kali ulang cetak yang memberikan satu petanda bahawa penulisan Nurul berjaya menarik minat pembaca.

"Untuk menjadi penulis yang berjaya bukan mudah, kerana saya juga perlu mengetahui pelbagai perkara seperti tugas-tugas pihak polis, detektif yang diluar bidang saya.

"Penerangan tugas-tugas ini menuntut saya untuk belajar memerhati dan mendalami skop tugas itu agar pembaca tidak 'terpesong' dengan keadaan sebenar," katanya.

Menjadi seorang penulis ia diibaratkan sebagai satu seni, ia perlu ada kemahiran dan bakat, tanpa itu mungkin agak sukar untuk berjaya menulis apatahlagi menulis sebuah novel.

"Jika semuanya ada terpulang juga pada kita mahu menulis bagaimana, pelbagai genre boleh ditulis dan naskah yang dihasilkan mampu untuk memberi impak positif pada pembaca," katanya.

-AMIRUL

